

14/09/1999

Clinton bebas ulas: PM (HL)

Zulkofli Jamaludin; R Magendran

PETALING JAYA, Isnin - Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton bebas mengulas keputusan mahkamah negara ini menjatuhkan hukuman penjara ke atas wartawan Far Eastern Economic Review (FEER), Murray Hiebert, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tetapi jika dia hantar tentera ke sini untuk membebaskan Hiebert, itu saya anggap sebagai satu campur tangan. Dia tidak bertindak begitu, jadi saya anggap dia bebas menyuarakan pandangan," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang ditemui pemberita selepas merasmikan Persidangan Undang-Undang Komanwel di sini hari ini, berkata demikian ketika ditanya mengenai kekecewaan Clinton berhubung keputusan Mahkamah Rayuan menolak rayuan Hiebert kerana menghina mahkamah.

Rumah Putih dalam kenyataan dikeluarkan di Auckland, New Zealand, berkata: "Menghantar wartawan ke penjara kerana menjalankan tugasnya menjejaskan kebebasan akhbar yang memainkan peranan penting dalam membangunkan masyarakat demokratik."

Clinton berada di Auckland bagi menghadiri persidangan tahunan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Hiebert, 52, didapati bersalah oleh Mahkamah Shah Alam pada 1997 kerana menghina mahkamah berkaitan rencananya mengenai saman oleh Chandra Sri Ram, isteri Hakim Mahkamah Rayuan, Gopal Sri Ram, terhadap Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur.

Rencananya bertajuk See You in Court, disiarkan Feer - majalah yang beribu pejabat di Hong Kong.

Sabtu lalu, Presiden Mahkamah Rayuan Lamin Yunus, bersama Hakim Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Dennis Ong, menolak rayuan Hiebert terhadap sabitan dan mengurangkan tempoh hukuman penjara asalnya tiga bulan kepada enam minggu.

Dr Mahathir berkata, seperti Clinton, beliau juga berhak menyuarakan pandangannya dan berpendapat penahanan bekas pemimpin Panama, Manuel Noreiga, di Panama dan membawanya untuk dibicarakan di Amerika Syarikat, adalah sesuatu yang tidak adil.

"Saya fikir tabiat orang Amerika menahan warga negara lain dan membawa mereka untuk dibicarakan di Amerika, juga bertentangan dengan undang-undang antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau juga tidak suka tindakan mengebom Iraq secara berterusan untuk memaksa Presiden Saddam Hussein dan berharap pandangannya itu tidak dianggap sebagai campur tangan dalam pentadbiran Amerika Syarikat.

Sambil mempersoalkan penilaian masyarakat antarabangsa mengenai kebebasan badan kehakiman di negara membangun, Perdana Menteri berkata:

"Nampaknya jika mereka menyokong seseorang, tetapi keputusan mahkamah tidak menyebelahnya, maka mahkamah tidak bebas.

"Tetapi jika mahkamah menjatuhkan hukuman terhadap pemimpin kerajaan dan pernah satu masa mahkamah menjatuhkan hukuman mati terhadap seorang menteri, tiada siapa berkata mahkamah tidak bebas," katanya.

Dr Mahathir berharap masyarakat antarabangsa tidak mempunyai prasangka bahawa negara membangun tidak membenarkan hakimnya bebas apabila membuat keputusan yang tidak memihak orang yang disokong.

Mengenai usaha Malaysia untuk memaksa lima anggota tetap Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melepaskan kuasa veto mereka, Dr Mahathir berkata, tidak banyak yang dapat dilakukan.

"Dalam sistem feodal, kita tidak boleh membuat perubahan jika kita bergantung kepada permohonan agar pemerintah feodal memberi persetujuan, dia tidak akan bersetuju," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, Malaysia akan terus menyuarakan pandangannya mengenai perkara yang berkaitan dengan PBB.

Mengulas pandangan Clinton berhubung kerangka baru kewangan antarabangsa pula, Dr Mahathir berkata, kesan kegawatan ekonomi akibat dagangan mata wang menyebabkan Amerika sedar krisis itu bukan sahaja dihadapi negara di rantau ini, malah seluruh dunia.

Beliau berkata, sistem kewangan sekarang boleh memberi kesan yang lebih buruk dan Malaysia sahaja kehilangan RM190 bilion (US50 bilion) kuasa membeli untuk setahun kesan serangan terhadap ringgit.

"Perlu ada beberapa bentuk peraturan. Perdagangan bebas harus dikenakan peraturan," katanya.

Clinton dalam ucapannya di sidang kemuncak Ketua Eksekutif sempena persidangan Apec di Auckland, semalam berkata menjadi kesilapan jika sesetengah pihak berpuas hati dengan pemulihan ekonomi sekarang sehingga enggan meneruskan usaha melaksanakan sesuatu mengenai kerangka kewangan.

Kenyataan Clinton menandakan perubahan pendiriannya berhubung isu itu yang kini dilihat sealiran dengan pandangan Malaysia selama ini.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir turut menghuraikan kesan penghapusan halangan perdagangan yang menurutnya akan menyebabkan penguncupan perdagangan dunia apabila semua perniagaan utama, industri dan bank di negara miskin dimiliki pemain yang besar dari negara kaya.

"Akan berlaku lebih banyak aliran keluar berbanding aliran masuk dana apabila keuntungan dihantar pulang ke negara kaya.

Pembukaan pasaran semua negara, tidak kira kecil atau besar, seperti dianjurkan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) boleh menyebab negara miskin rugi, katanya.

(END)